

## **DIASPORA DAN GLOBALISASI: POTENSI ANCAMAN KEPADA KESELAMATAN MALAYSIA**

**Zaheruddin Othman & Muhamad Fuad Othman**  
College of Law, Government and International Studies  
Universiti Utara Malaysia

### **ABSTRAK**

Konflik dunia melahirkan diaspora tetapi diaspora juga boleh mencetuskan konflik. Globalisasi sistem maklumat dan perubahan teknologi pengangkutan menyelerakkan pergerakan diaspora. Pergerakan diaspora kini tidak lagi bersifat konservatif iaitu dari negara membangun ke negara maju, tetapi kini pergerakan diaspora beralih arah menuju ke negara-negara membangun. Akibat dari itu, kesan diaspora tidak lagi hanya tertumpu kepada negara-negara maju sebaliknya negara membangun turut terdedah kepada kegiatan diaspora. Di antara kesan besar akibat dari pergerakan diaspora ialah ia berpotensi menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Penelitian menggunakan data-data skunder dari kes-kes pergerakan diaspora di beberapa buah negara. Hasil kajian menunjukkan perkembangan globalisasi memberi kesan kepada corak pergerakan dan kegiatan diaspora; dan Malaysia mempunyai suasana untuk membenarkan diaspora aktif beroperasi.

### **PENGENALAN**

Pergolakan dunia masih berterusan biarpun negara-negara kuasa besar dunia mengaku bertanggungjawab melaksanakan tugas pengaman. Di Timur Tengah, negara Arab masih bergelut dengan politik dalaman negara masing-masing. Di Tunisia, Revolusi Jasmine menyaksikan pemerintahan diktator selama 23 tahun Presiden Zine Abidine Ben Ali tumbang dan beliau melarikan diri ke Arab Saudi. Sementara di Mesir kebangkitan rakyat menyebabkan Presiden Hosni Mubarak menyerahkan kuasa kepada rakyat. Begitu juga di Libya, pemerintahan Muammar Ghaddafi berakhir dengan kematian beliau. Fenomena yang dikenali sebagai *Arab Springs* merebak ke Syria, Yamen, Bahrain dan Jordan. Kebangkitan rakyat menentang pemerintah di negara-negara itu disebabkan oleh masalah

seperti pengangguran, rasuah, penyalahgunaan kuasa, diktaktor dan sebagainya. Namun begitu, biarpun pemimpin-pemimpin negara berkenaan berjaya ditumbangkan oleh kebangkitan rakyat, keamanan yang dicari masih lagi kelihatan samar-samar. Pemerintah yang diangkat masih belum beroleh perdamaian yang dikehendaki oleh rakyat. Malah penduduk awam menjadi mangsa konflik dan sesetengah dari mereka melarikan diri ke luar negara. *Norwegian Refugee Council* sebuah badan pemantau orang pelarian melaporkan konflik di Syria telah menyebabkan 230,000 meninggalkan negara itu. Jumlah ini merupakan sebahagian dari 830,000 orang pelarian yang terkesan dari fenomena *Arab Springs*.

Masalah orang pelarian tidak hanya berlaku akibat dari fenomena *Arab Spring* sahaja. Negara-negara lain yang berkonflik turut menyumbang kepada peningkatan jumlah orang pelarian. UNCHR melaporkan konflik di Afghanistan menyebabkan Pakistan terpaksa menampung lebih 1.7 juta orang pelarian dan Pakistan merupakan negara yang mempunyai jumlah teramai orang pelarian di dunia. Laporan itu turut menyatakan sejumlah 3.5 juta orang pelarian tidak mempunyai negara (stateless) di lebih 64 buah negara. Sementara lebih 876,100 orang pelarian menuntut status pelarian di beberapa buah negara maju. Pada tahun 2011, Afrika Selatan menerima jumlah permohonan tertinggi iaitu sebanyak 107,000 diikuti oleh Amerika Syarikat (76,000) dan Perancis (52,100).

Namun begitu, sejak kebelakangan ini corak pergerakan orang pelarian menunjukkan perubahan. Jika dahulu orang pelarian berhijrah keluar menuju ke negara lebih maju berbanding negara asal, tetapi pada masa sekarang orang pelarian bergerak menuju ke negara-negara membangun untuk mencari kehidupan lebih baik dari segi ekonomi, politik dan sosial. Malah corak ini dikatakan telah berlaku sejak tahun 1990an, tetapi jarang diberi perhatian oleh media massa dan pengkaji-pengkaji (Weiner 1992). Wilayah Asia Selatan sahaja terdapat lebih 35-40 juta penduduk menyeberangi sempadan antarabangsa pada setiap tahun. Malaysia sejak dulu menerima kemasukan rakyat Indonesia dan Filipina yang mencari peluang pekerjaan. Akibat dari itu, pergerakan beramai-ramai penduduk tidak lagi menjadi cabaran kepada negara maju semata-mata sebaliknya negara membangun turut menerima kesan. Laporan *U.S. State Dept Trafficking in Persons Report*, June 2009, sebagai contoh menuduh Malaysia gagal menangani masalah 'orang pelarian' di rantau Asia Tenggara. Lebih buruk lagi Malaysia dikenalpasti sebagai pusat transit pemerdagangan manusia (human trafficking). Laporan tersebut memberi kesan kepada Malaysia dan negara itu telah mengambil beberapa langkah menangani masalah berkenaan. Walaupun begitu, beberapa laporan asing menyebut langkah yang diambil oleh Malaysia masih belum cukup menangani masalah mobiliti 'orang pelarian' dan pemerdagangan manusia. Amerika Syarikat pernah membariskan Malaysia bersama Arab Saudi, Kuwait, Bahrain, Oman,

Sudan, Syria dan Qatar sebagai negara yang bermasalah dengan isu pemerdagangan manusia (Reuters-Africa, Julai 2007).

Sehubungan dengan itu, tidak mengeneppikan bayangan klasik penghijrahan orang pelarian yang melibatkan imej kelaparan, penyakit, kemiskinan, kekurangan zat makanan, dan sebagainya, kertas ini membincangkan fenomena orang pelarian (diaspora) pada era globalisasi yang memberi kesan dan berpotensi mengancam keselamatan Malaysia. Perbincangan kertas ini cuba mencari jawapan kepada tiga persoalan. Pertama, apakah yang dimaksudkan dengan diaspora dan hubungannya dengan globalisasi? Kedua, mengapa Malaysia sebagai sebuah negara membangun berpotensi menarik kedatangan diaspora? Ketiga, bagaimanakah diaspora mampu memberi ancaman kepada keselamatan negara? Kertas ini menghujahkan Malaysia mempunyai persekitaran yang mampu menarik kedatangan diaspora; dan menyediakan peluang untuk diaspora mengancam keselamatan negara.

## **DIASPORA DAN GLOBALISASI**

Konsep diaspora sangat luas dan digunakan oleh ahli sains sosial mengikut kesesuaian bidang masing-masing. Penggunaan konsep ini sering kali bertukar ganti dengan konsep migrasi, pelarian, 'exiles', etnik dan minoriti (Lahneman 2005). Ahli Sosiologi dan Antropologi misalnya melihat diaspora sebagai sekumpulan manusia yang tinggal di luar negara tetapi masih mempunyai ikatan budaya, semangat dan ciri-ciri tertentu dan masih berhubungan dengan mereka di negara asal. Manakala ahli Sains Politik beranggapan bahawa diaspora merujuk kepada mereka yang tinggal di luar negara tetapi masih menganggap atau dianggap sebagai masih warganegara di negara asal (Biswas 2004). *Ensiklopedia Columbia* merujuk diaspora kepada komuniti Yahudi yang dipaksa keluar dari tanah suci mereka. Komuniti Yahudi ini bertebaran di seluruh dunia sehinggalah mereka diberi sebuah negara pada tahun 1948 iaitu Israel. Namun begitu, komuniti Yahudi masih lagi kekal di kebanyakan negara Eropah seperti Itali, Greece dan di bahagian tengah serta timur benua itu.

Bharathi (2012) bersetuju dengan definisi oleh Sheffer (2003) yang merujuk diaspora sebagai "socio-political formation, created as a result of either voluntary or forced migration, whose members regard themselves as of the same ethno-national origin and who permanently reside as minorities in one or several host countries. Members of such entities maintain regular or occasional contacts with what they regard as their homeland and with individuals and groups of the same background residing in other host countries".

Perbincangan mengenai diaspora melibatkan berbagai perspektif. Kenny (2003) membincangkan kedudukan diaspora Irish dalam sejarah Amerika Syarikat. Menurut beliau bangsa Irish berhijrah ke Amerika Syarikat disebabkan oleh masalah kelaparan di negara asal iaitu Ireland. Di anggarkan pada 1840, bangsa Irish mencecah 45 peratus dari jumlah imigran di Amerika Syarikat. Smith (1986) meneliti diaspora Palestin dari segi saiz penduduk, ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat tersebut di luar negara. Pada 1947, rakyat Palestin berjumlah lebih 1.3 juta orang dan 70 peratus tinggal di luar bandar. Tiga puluh empat tahun kemudian jumlah rakyat Palestin mencecah 4.5 juta orang, tetapi 2.6 juta orang rakyatnya tinggal di luar negara seperti di Jordan, Lebanon, Syria, Kuwait, Arab Saudi dan Amerika Syarikat. Palmer (2000) membincangkan beberapa peringkat pergerakan keluar diaspora Afrika dari benua mereka. Salah satu tahap yang terlibat ialah pengaliran keluar hasil dari sistem penghambaan. Perbincangan diaspora India banyak dilakukan oleh ramai pengkaji.

Bhat dan Narayan (2010) mengkaji diaspora India dan hubungannya dengan globalisasi dan jaringan antarabangsa. Perbincangan turut menyentuh jumlah diaspora India yang mencecah 20 juta orang di lebih 70 buah negara. Kajian diaspora Cina juga menarik ramai pengkaji. Akhbar *The Guardian* melaporkan diaspora Cina telah muncul sejak awal abad ke-19. Pada hari ini, akhbar itu menganggarkan terdapat setengah juta diaspora Cina berada di Afrika, 7 juta di Indonesia, Malaysia dan Thailand. Lebih sejuta di Burma dan Russia, 1.3 juta di Peru, 3.3 juta di Amerika Syarikat, 700 ribu di Australia dan 400 ribu di United Kingdom. Keseluruhannya mencecah hampir 40 juta diaspora Cina di seluruh dunia.

Sementara itu, terma globalisasi sering digunakan oleh ramai ahli Sains Sosial bertujuan menghuraikan perluasan teknologi komunikasi di seluruh dunia. Terdapat juga penulis yang mengaitkan dengan perluasan kuasa ekonomi terutama daripada kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Ada mengaitkan usaha badan dunia seperti International Monetary Fund (IMF) dan Bank Dunia yang menganjurkan pasaran global bagi produksi barangan dan perkhidmatan. Sejak dua dekad lalu, globalisasi memberi paradigma baru kepada perkembangan teknologi pengangkutan, komunikasi dan revolusi mikro elektronik (Bhat dan Narayan 2010). Perkembangan teknologi pengangkutan bukan sahaja mengenai pengeluaran kenderaan baru yang lebih laju dan canggih, tetapi merangkumi seluruh pengurusan pergerakan manusia dari satu tempat ke satu tempat lain dalam tempoh yang singkat. Ia melibatkan pengurusan sumber manusia, kenderaan, sistem pengangkutan awam, penempahan tiket, imigrasi, kastam dan sebagainya. Komponen-komponen ini berubah menjadi semakin cekap dan pantas dengan pengenalan teknologi baru. Misalnya, dalam urusan membeli tiket yang kini boleh dibeli secara

atas talian (online). Begitu juga dengan urusan mengecop passport, mereka tidak perlu lagi berbaris panjang, sebaliknya boleh terus menggunakan mesin elektronik untuk merekodkan perjalanan masuk dan keluar negara.

Teknologi pengangkutan pula meningkatkan pengeluaran berbagai sumber keperluan manusia untuk kegunaan manusia sejagat (RoDewan Rakyatigue, Comtois dan Slack 2009). Dalam situasi ekonomi global, pengeluaran barangan tidak lagi terhad kepada kegunaan domestik sahaja. Kemudahan teknologi pengangkutan udara, darat dan laut memungkinkan pengeluaran barangan untuk kegunaan penduduk dunia. Oleh yang demikian, sesebuah negara yang mengeluarkan barangan dapat mengeksport barangan ke serata dunia. Ini kerana teknologi pengangkutan akan mengurangkan kos pengangkutan dari satu tempat ke satu tempat lain. Justeru itu, sesebuah negara akan dapat meningkatkan pendapatan eksport serta mengimport barangan dari luar pada kadar murah. Di samping itu juga, pengimportan barangan dari luar dapat memenuhi permintaan domestik negara selain meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

Proses globalisasi menyediakan infrastruktur pengangkutan bertaraf dunia seperti pembinaan lapangan terbang dan pelabuhan. Pembinaan infrastruktur seperti itu dilengkapi dengan sistem perkhidmatan berkomputer dan berteknologi terkini. Di rantau Asia Tenggara, pada dekad 1980an dan 1990an, pelabuhan Singapura dan Hong Kong merupakan pelabuhan yang sangat sibuk dan mempunyai reputasi tinggi di kalangan pedagang-pedagang antarabangsa. Pelabuhan Singapura pada awal 1990an menguasai 80 peratus trafik kontena di Asia Tenggara. Manakala pelabuhan Hong Kong menguasai 56 peratus perdagangan Asia Timur (Slack dan Wang 2002). Namun kini, era globalisasi telah mengubah pandangan tersebut di mana Malaysia muncul memberi saingan kepada pelabuhan Singapura, Shanghai dan Hong Kong. Kemunculan pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor sedikit sebanyak memberi tekanan kepada pelabuhan Singapura (Utusan Malaysia, 22 Ogos 2000). Perkembangan ini menunjukkan bahawa permintaan penduduk kepada barangan global semakin meningkat dan memerlukan penambahan infrastruktur seperti pelabuhan untuk kapal-kapal berlabuh.

Selain itu, pembinaan lapangan terbang baru diperlukan bagi menampung peningkatan pergerakan manusia yang menggunakan pengangkutan udara sebagai alat mobilisasi. Di Hong Kong, lapangan terbang baru dibina untuk menggantikan Lapangan Terbang Kai Tak. Lapangan terbang baru dikenali sebagai Chek Lap Kok kini merupakan antara sepuluh lapangan terbang tersibuk di dunia. Kerajaan Thailand juga membuat keputusan membina lapangan terbang baru bagi menampung keperluan pengguna yang semakin bertambah. Lapangan terbang yang dikenali sebagai Suvarnabhumi

itu merupakan lapangan ke enam tersibuk di Asia dan pada tahun 2011 telah menggendalikan seramai 47.9 juta penumpang. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam meningkatkan keupayaan pengangkutan udara. Pada tahun 1998, Kuala Lumpur International Airport (KLIA) siap dibina dan kini menggendalikan lebih 35 juta penumpang setahun. Lapangan terbang ini merupakan kelima tersibuk di Asia.

Globalisasi juga meningkatkan pengaliran dan pelebaran maklumat serta mengubah cara manusia berkomunikasi. Pada hari ini manusia berkomunikasi tidak lagi dipisahkan oleh jarak, sebaliknya kelajuan menghantar dan menerima maklumat menjadi penentu keberkesanan berkomunikasi. Infrastruktur seperti internet membolehkan manusia berkomunikasi melampaui batas sempadan geografi dan masa. Melalui internet manusia berkomunikasi menggunakan telefon, surat elektronik (e mail), fax, sidang video dan sebagainya. Alat-alat komunikasi ini disokong dengan infrastruktur seperti satelit dan sistem kabel optik. Satelit dan sistem kabel optik mampu menghantar maklumat dalam saiz yang besar dan berkelajuan tinggi. Internet membolehkan manusia mengakses maklumat dengan kadar yang cepat dan berkesan. Laman web di internet berjumlah jutaan dan merangkumi berbagai sumber maklumat. Apa sahaja yang berkaitan dengan kehidupan manusia dapat dicapai di internet.

Di samping itu juga, internet mengubah cara hidup manusia dalam menyelesaikan berbagai urusan seperti perniagaan, individu dan sosial. Syarikat-syarikat besar kini menjual produk-produk perniagaan melalui internet yang dapat dicapai oleh manusia di seluruh dunia. Mereka yang tinggal berlainan benua dengan syarikat yang menjual produk, kini boleh mengakses katalog barangan tanpa pergi ke kedai pengeluar barangan. Hal ini ternyata berbeza dengan cara perniagaan tradisional seperti pada tahun 1950an. Syarikat kopi dari Brazil umpamanya, boleh menjual produk mereka ke seluruh dunia tanpa perlu membuka sebuah kedai di luar negara mereka. Begitu juga dengan seseorang individu yang ingin menyampaikan pesanan kepada seorang rakan di luar negara. Individu berkenaan tidak perlu lagi menulis surat panjang dan menunggu sehingga dua minggu untuk memastikan maklumat itu sampai. Surat elektronik (e mail) mampu menghantar berita atau maklumat dengan begitu cepat. Internet juga meluaskan jaringan sosial manusia. Laman web sosial seperti *Facebook*, *MySpace* dan *Friendster* misalnya mampu meluaskan jaringan sosial seseorang itu. Malah laman-laman web seperti itu telahpun berjaya menemukan mereka yang sudah bertahun-tahun terputus hubungan. Namun yang penting, laman-laman web sosial ini menjadi tapak pertemuan kumpulan seminat (common interests). Di situ mereka akan bertukar-tukar fikiran dan berkongsi bahan-bahan tertentu seperti maklumat, ideologi, minat dan sebagainya.

Pengenalan teknologi kepingan logam mikro elektronik (microchips) dalam alat-alat komunikasi seperti telefon mudah alih turut mengubah cara manusia mengurus kehidupan. *Microchips* ini sangat kecil saiznya dan boleh 'ditanam' di dalam sesuatu alat komunikasi. Menggunakan gelombang radio, kepingan logam itu berfungsi membekalkan maklumat di dalamnya kepada mesin *scanner*. Apabila mesin *scanner* dikenakan ke atas kepingan logam itu, dengan pantas maklumat yang tertanam itu akan diperoleh. Teknologi kepingan logam ini digunakan secara meluas dalam berbagai bidang seperti automobil, perubatan, telekomunikasi, pendidikan dan sebagainya. Sebagai contoh, di negara maju seperti di Amerika Syarikat misalnya, tuan punya anjing meletakkan kepingan logam di tubuh badan anjing masing-masing. Tujuan mereka adalah untuk membekalkan maklumat kepada pihak berkuasa mengenai taraf kesihatan, baka, dan demografi anjing berkenaan. Oleh itu, jika pihak berkuasa terjumpa seekor anjing tanpa ditemani oleh tuannya maka dengan serta merta kepingan logam itu berfungsi membekalkan maklumat apabila dikenakan kepada mesin *scanner* pihak berkuasa berkenaan.

Dari segi ekonomi liberal dan kapitalis, globalisasi memberi manfaat besar kepada perniagaan. Permisahan sistem ekonomi dunia semakin menipis di mana manfaat ekonomi tidak hanya diperoleh oleh negara-negara maju sahaja. Negara-negara membangun seperti Malaysia turut berperanan berkongsi urusan niaga yang berjumlah billion dollar di pasaran dunia. Pelanggan kepada para perniaga misalnya tidak lagi terhad kepada penduduk negara sahaja, tetapi mencakupi penduduk di seluruh dunia. Terdapat laporan menunjukkan bahawa telah lahir usahawan-usahawan internet di beberapa buah negara membangun hasil perniagaan yang dijalankan di internet. Di internet, peniaga tidak perlu lagi ke bank untuk menerima bayaran begitu juga dengan pembeli. Mereka boleh melengkapkan urusan pembelian barangan dengan hanya melawat laman-laman web tertentu sahaja. Malah kebanyakan bank kini sudahpun berurusan secara maya dengan pelanggan masing-masing. Proses transaksi perniagaan kini sudah banyak berubah berbanding dengan cara tradisional. Malah di internet juga, berbillion data penjual dan pembeli di simpan dan lebih penting ia boleh diakses dua puluh empat jam sehari tanpa melibatkan pencarian fail-fail kertas seperti dulu.

Di negara-negara membangun, kemudahan siaran televisyen berbayar (satelit tv) memungkinkan mereka menonton rancangan dari luar negara. Misalnya, siaran langsung perlawanan bolasepak, golf, konsert, dan sebagainya. Ini mendedahkan mereka kepada budaya popular masyarakat 'barat' yang pada ketika dahulu agak sukar untuk diakses. Justeru itu, tidak hairanlah pada hari ini penduduk sesebuah negara dapat mengemaskini pengetahuan mereka mengenai fesyen, muzik, dan sebagainya dengan pantas.

Namun begitu, globalisasi yang membawa perubahan besar dari segi teknologi komunikasi dan pengangkutan turut mempunyai kelemahan. Globalisasi tidak menyediakan tapisan kepada apa yang dibawa dan disebarkan oleh alat-alat globalisasi. Demokrasi dunia tidak menjadi semakin baik sepenuhnya akibat globalisasi. Kemudahan berhubung tidak digunakan sebagai alat mencari pedamaian dan persetujuan. Sebaliknya alat komunikasi menjadikan sesetengah kumpulan pelampau dengan mudah menyebarkan ideologi kepada dunia umum. Akibat dari itu, fahaman ideologi melampau tersebar dan menjadi bertambah kukuh apabila mendapat sokongan dari mereka yang bersetuju dengan fahaman tersebut. Terdapat banyak kumpulan kongsi gelap, gangster, pelampau politik, agama dan sebagainya menggunakan internet untuk berkomunikasi dengan ahli-ahli, dan lebih penting merekrut ahli-ahli baru. Biro Penyiasatan Persekutuan Amerika Syarikat (FBI) melaporkan pada 2009, terdapat lebih 28,000 kumpulan gangster di lebih 50 buah negeri di negara itu. Di negara tersebut, internet memainkan peranan besar kepada kumpulan gangster untuk mereka merancang jenayah, menghantar ugutan kepada mangsa, dan mengakses data keselamatan berprofil tinggi di jabatan-jabatan kerajaan. Kumpulan-kumpulan gangster ini menjalankan jenayah pengedaran dadah, penyeludupan, pelacuran, pecah rumah, dan sebagainya. Perkembangan ini benar-benar menakutkan dan membahaya kepada orang awam terutama kanak-kanak. Ini kerana laman-laman web yang dimiliki oleh kumpulan gangster ini turut mengajar orang awam bagaimana hendak melakukan jenayah dan mengelak dari dikesan oleh pihak berkuasa.

Ekonomi dunia juga tidak bertambah baik disebabkan kegiatan-kegiatan pemodal kapitalis memeras keuntungan berlipat kali ganda. Pasaran mata wang dan saham yang dulunya mungkin terhad akibat faktor komunikasi kini menjadi semakin terbuka. Namun akibat dari pengenalan peraturan-peraturan tertentu, kebanyakan perniagaan didominasi oleh mereka dari barat. Misalnya, kebanyakan perniagaan di atas talian didominasi oleh syarikat-syarikat besar yang berpangkalan di sana. Hal ini bukanlah sesuatu yang ganjil kerana pembekal pelayar internet juga dimiliki oleh mereka yang tinggal di negara-negara maju. Malah terdapat begitu banyak perniagaan palsu (scam) yang melibatkan kerugian mencecah jutaan dolar kepada pengguna internet di seluruh dunia. Di Amerika Syarikat, dalam laporan yang dikeluarkan oleh FBI untuk tahun 2011, terdapat lebih 300,000 laporan dibuat oleh orang awam berhubung dengan penipuan urus niaga internet. Kerugian yang dicatatkan di negara tersebut mencapai sebanyak USD485.3 juta (FBI 2011). Penipuan melibatkan urusan perniagaan dalam pelaburan saham, jualan barangan, penipuan identiti, dan sebagainya.



Globalisasi gagal membendung masalah seperti kelaparan, penyakit, kekacauan politik dan sebagainya. Ini kerana globalisasi mengekalkan jurang ekonomi di antara negara maju dan miskin. Kemajuan teknologi dalam sebarang industri pengeluaran, kini tidak memerlukan jumlah pekerja yang ramai berbanding dulu. Ini kerana proses pengeluaran barangan menggunakan mesin boleh dilakukan dalam masa yang sangat singkat berbanding menggunakan tenaga manusia. Perkara ini jelas di negara-negara maju, krisis pengangguran berlaku akibat fungsi manusia dalam mengeluarkan sesuatu barangan di kilang-kilang menjadi semakin berkurangan. Teknologi industri juga menyebabkan kebanyakan industri memindahkan operasi mereka ke negara-negara miskin yang kadar upah buruh adalah rendah. Ini kerana teknologi dapat dipindahkan tanpa melibatkan kos tinggi dan pergerakan fizikal industri. Misalnya, di rantau Asia di China, India, Vietnam, Malaysia, Indonesia dan sebagainya kini menjadi kilang kepada pembuatan barangan negara-negara maju. Berbekalkan kos upah buruh dan bahan buatan yang lebih murah, syarikat-syarikat besar dunia berpangkalan di negara maju dapat menjimatkan jutaan dolar setahun dari segi kos pengeluaran berbanding jika pengeluaran dilakukan di negara mereka. Ini akan menambah kekayaan mereka berlipat kali ganda kerana barangan dijual mengikut harga pasaran semasa di negara masing-masing. Sebaliknya berlaku di negara miskin, harga upah buruh yang rendah mengekalkan kehidupan pekerja-pekerja dalam kemiskinan.

Ringkasnya, globalisasi telah mengubah kehidupan manusia. Perubahan ini dapat dilihat dalam berbagai konteks kehidupan sama ada dalam sistem ekonomi, politik dan sosial. Apa yang nyata, globalisasi telah memendekkan jarak, masa dan ruang hubungan sesama manusia. Namun begitu, globalisasi juga mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu dan memberi kesan buruk kepada negara-negara yang tidak bersedia dan berdaya saing.

### **MALAYSIA DESTINASI DIASPORA**

Sejak krisis ekonomi rantau Asia Tenggara pada pertengahan tahun 1990an, prestasi ekonomi Malaysia kini semakin mengukuh. Pada tahun 2010, Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi pada kadar 7.2 peratus. Tanda-tanda pengukuhan ekonomi Malaysia boleh dilihat dengan peningkatan keyakinan pelabur sehingga Indeks Bursa Malaysia telah mencatatkan paras tertinggi melebihi 1,570 mata pada awal tahun 2011. Pelaburan langsung asing dalam sektor pembuatan pula telah meningkat kepada RM29.1 billion pada tahun 2010 berbanding RM22.1 billion pada tahun 2009, iaitu peningkatan sebanyak 31.7 peratus. Pelaburan asing terbesar adalah daripada negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, Hong Kong, Singapura dan Jerman (Dewan Rakyat 2011). Pengukuhan ekonomi

Malaysia disebabkan bukan sahaja pengurusan ekonomi yang baik, tetapi tumpuan negara itu mengekalkan keamanan dan kestabilan turut memainkan factor penting kepada pencapaian itu.

Malaysia telah mencapai kemerdekaan sejak lebih lima puluh tahun lampau. Sepanjang tempoh tersebut Malaysia dikenali sebagai sebuah negara aman dan stabil. Kestabilan negara itu bukan sahaja menjadi kebanggaan rakyat tetapi amat dicemburui oleh lain-lain negara. Malah ada negara yang ingin mencontohi Malaysia khususnya bagaimana hendak memelihara keamanan dalam sebuah negara berbilang bangsa. Namun kestabilan, keamanan dan keselamatan yang dikecapi oleh Malaysia menjadikan negara itu destinasi diaspora di rantau Asia Tenggara. Indeks Keamanan Dunia 2010, meletakkan Malaysia di kedudukan kedua terbaik di Asia dan ke 22 di dunia (Dewan Rakyat 2011). Hanya terdapat satu peristiwa yang memberi titik hitam kepada sejarah keamanan Malaysia iaitu berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969. Pergaduhan perkauman akibat dari sikap tidak bertanggung jawab di antara dua kaum terbesar di Malaysia pada ketika itu. Namun begitu peristiwa tersebut telah memberi pengajaran besar kepada pemimpin dan rakyat Malaysia secara amnya. Beberapa kes yang mengugat keamanan Malaysia timbul selepas peristiwa 13 Mei 1969, tetapi pihak berkuasa telah mengambil tindakan sewajarnya sebelum ianya merebak mengugat keamanan negara.

Selain itu, pada ketika dunia sibuk memerangi keganasan, Malaysia telah berjaya menamatkan perjuangan keganasan Parti Komunis Malaya (PKM) pada 2 Disember 1989 melalui Perjanjian Hatyai. Perjanjian ini memberi makna besar kepada usaha Malaysia memerangi keganasan di dalam negara. Malah Malaysia berkongsi pengalaman memerangi keganasan dengan negara-negara dunia lain. Penamatan keganasan PKM memberi kelegaan kepada rakyat untuk mereka berasa bebas dan menikmati keamanan sepenuhnya. Berbanding pada ketika kemuncak PKM masih aktif, ribuan tentera dan orang awam menjadi mangsa keganasan PKM. Pada ketika pihak British masih berkuasa di Tanah Melayu (Malaysia), berbagai usaha dilakukan antara lain mengadakan Rancangan Briggs mengekang propaganda dan hubungan antara PKM dan orang awam. Usaha tersebut diteruskan oleh kerajaan Malaysia melalui operasi pihak keselamatan tentera dan polis. Bagaimanapun, Malaysia bernasib baik kerana pada akhirnya keganasan PKM dapat diselesaikan di atas meja perundingan di Hatyai, Thailand.

Baru-baru ini, kerajaan Malaysia melalui NKRA menetapkan matlamat mengurangkan kes-kes jenayah di negara ini. Inisiatif negara itu untuk mengurangkan indeks jenayah ini bukan sahaja untuk menyediakan persekitaran aman kepada rakyat tetapi sebagai satu usaha menarik pelabur luar ke Malaysia. Pada tahun 2010, Malaysia berjaya menurunkan

indeks jenayah keseluruhan sebanyak 15 peratus dan jenayah jalanan sebanyak 35 peratus dan ini merupakan satu pencapaian yang melepasi sasaran ditetapkan (Dewan Rakyat 2011). Namun begitu, kadar jenayah yang rendah di Malaysia bukan sahaja mampu menarik pelabur luar tetapi turut menerima manfaaatnya ialah diaspora yang datang ke negara ini. Tidak hairanlah Malaysia menjadi destinasi popular diaspora dari berbagai negara asing. Berbanding dengan negara jiran, Malaysia dikenali sebagai negara yang aman biarpun masih berlaku kes-kes yang dikategorikan sebagai kes jenayah berat.

Dari segi politik, rakyat Malaysia bebas menyertai mana-mana parti politik yang diinginkan. Sejak merdeka Malaysia tidak pernah gagal menjalankan pilihanraya untuk memberi peluang kepada rakyat menentukan kerajaan melalui proses demokrasi. Parti-parti politik bebas berkempen dan mendapatkan sokongan terbanyak dari rakyat. Malah selepas beberapa kali pilihanraya parti pembangkang menang dan membentuk pemerintahan di beberapa buah negeri di Malaysia. Sejak dua dekad lalu, kemenangan parti pembangkang di Malaysia sudah menjadi kebiasaan dan dapat diterima oleh penyokong-penyokong kedua-dua parti. Tiada pernah sekalipun kemenangan atau kekalahan disambut dengan bedilan senapang ataupun letupan bom sebagaimana berlaku di negara-negara tertentu. Akan tetapi, tidak dinafikan terdapat perselisihan faham yang berakhir dengan perpecahan tetapi keadaan dapat dikawal dengan baik. Sehingga hari ini tiada satupun parti politik diharamkan atau tidak dibenarkan bertanding dalam pilihanraya hanya disebabkan oleh perbezaan ideologi atau pendapat.

Sikap peramah, berbudi bahasa dan bertimbang rasa majoriti rakyat Malaysia pada keseluruhannya menjadikan negara itu makmur dan mudah menerima tetamu dari luar negara. Justeru itu tidak hairanlah mengapa diaspora menjadikan negara itu lubuk emas mendapatkan perkerjaan dan menjalankan sebarang urusan diri masing-masing. Sebenarnya jika diteliti sejak zaman pemerintahan British lagi, orang Melayu sebagai kaum majoriti tidak pernah secara rasmi memerangi 'orang luar' yang dibawa masuk oleh pemerintah British. Malah kedatangan pekerja asing dibawah dasar British diterima sehingga mereka itu berasa gembira tinggal di negara yang kuasanya didominasi oleh bangsa Melayu. Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, sikap baik orang Melayu kepada bangsa asing diteruskan namun suasana berbaik-baik ini memberi kelebihan kepada diaspora yang datang ke negara itu.

Malaysia sejak bebas dari pemerintahan British muncul di antara negara yang pesat membangun. Berbanding dengan negara lain yang mencapai kemerdekaan serentak dengan Malaysia, negara ini melalui berbagai rancangan pembangunan. Rancangan-rancangan pembangunan ini

dibentuk mengikut keperluan semasa dan diolah sesuai dengan sifat Malaysia sebagai sebuah negara berbilang bangsa. Terbaru Malaysia telah melancarkan Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan yang merangkumi enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Program Transformasi Ekonomi berteraskan Model Baru Ekonomi serta Rancangan Malaysia Ke 10 dan 11. Program Transformasi Kerajaan dan Transformasi Ekonomi yang diperkenalkan merupakan langkah berpandangan jauh dan berani untuk membawa Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Sebanyak 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) telah dikenal pasti dapat menjana pelaburan bernilai lebih RM1.3 trillion, dengan 92 peratus oleh sektor swasta. Pelaksanaan NKEA akan memberi kesan yang menyeluruh kepada rakyat melalui pewujudan lebih kurang 3.3 juta peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang (Dewan Rakyat 2011).

Tidak dinafikan terdapat banyak kritikan yang dilemparkan kepada Malaysia kerana dikatakan rancangan pembangunan lebih memihak kepada satu kaum sahaja. Namun ternyata sehingga kini, rancangan pembangunan yang dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada rakyat terbanyak. Walaupun begitu, Malaysia melalui rancangan pembangunan yang dilaksanakan tidak dapat memisahkan dirinya dengan persekitaran ekonomi dunia. Serangan mata wang pada penghujung tahun 1990an misalnya, menyebabkan negara terpaksa memeriksa kembali rancangan pembangunan yang dirancang. Akibat dari itu, pihak kerajaan Malaysia telah mendapatkan reaksi dari rakyat dan menyediakan rancangan-rancangan pembangunan yang berasaskan kepada kehendak rakyat jelata.

Malaysia komited memastikan kesejahteraan rakyat termasuk mereka yang berada di luar bandar. Kemudahan seperti jalan luar bandar, infrastruktur awam, bekalan air bersih dan elektrik serta telefon kepada penduduk luar bandar. Pada tahun 2010, hampir 800 kilometer jalan baru dan naik taraf, 16,900 unit rumah untuk keluarga miskin dan miskin tegar, bekalan air bersih kepada 35,000 buah rumah dan bekalan elektrik kepada 27,000 buah rumah telah dilaksanakan di seluruh negara (Dewan Rakyat 2011). Kemudahan infrastruktur komunikasi yang baik menjadi faktor penarik untuk diaspora memasuki sesebuah negara. Kemudahan infrastruktur komunikasi seperti internet, telefon, dan sebagainya akan memudahkan perhubungan diaspora dengan negara asal. Malaysia sejak tahun 1990an giat memajukan infrastruktur komunikasi khususnya yang berasaskan internet. Kerajaan menyediakan kemudahan internet bukan sahaja kepada rakyat di bandar tetapi turut melebar luas penggunaannya kepada mereka di luar bandar. Akibat dari kemudahan internet ini, pihak kerajaan Malaysia yang didominasi oleh parti UMNO menerima kesan dari kemudahan tersebut apabila gagal mendapat keputusan memberansangkan dalam dua pilihanraya umum iaitu pada tahun 1999 dan 2008. Dalam kedua-dua

pilihanraya tersebut penggunaan media baru (internet) sebagai alat berkempen oleh parti-parti pembangkang telah berjaya meningkatkan sokongan rakyat kepada mereka. Namun begitu, biarpun pihak kerajaan negara itu menerima tempias dari penggunaan internet, pihak kerajaan Malaysia tidak pernah menghentikan pembangunan infrastruktur komunikasi internet. Sebaliknya kemudahan internet ini diperluaskan ke seluruh negara dan hal ini dinyatakan dalam belanjawan kerajaan Malaysia hampir setiap tahun.

Di samping itu, Malaysia merupakan antara destinasi pelancongan yang terkenal dengan menduduki tangga ke sembilan dalam senarai Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 2010. Pada tahun 2010, Malaysia mencatatkan jumlah ketibaan pelancong seramai 24.6 juta orang meningkat 7.2 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu seramai 23.6 juta. Kedatangan pelancong pada tahun 2010 itu memberi pulangan kewangan kepada Malaysia bernilai RM51.5 billion. Jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia meningkat pada tahun 2011 iaitu seramai 24.7 juta pelancong dengan nilai pulangan kewangan bernilai sebanyak RM58.3 billion (Kementerian Pelancongan Malaysia 2012). Data kedatangan pelancong ke Malaysia menunjukkan bahawa negara itu menjadi salah satu destinasi popular pelancongan dunia. Laman web Kementerian Pelancongan Malaysia menunjukkan berbagai program dilaksanakan untuk menarik kedatangan pelancong ke negara itu. Di antara program tersebut ialah pelancongan sukan, pelancongan pendidikan, pelancongan pertanian, 'home stay' dan sebagainya. Malah jika ke Kuala Lumpur, akan didapati pelancong dari Timur Tengah memenuhi sebahagian besar hotel-hotel penginapan bandaraya itu.

Secara ringkasnya, kestabilan dan keamanan dikecapi oleh Malaysia mampu menarik perhatian diaspora dari seluruh dunia untuk datang ke negara itu. Ini kerana sebagai sebuah negara membangun kejayaan Malaysia membangunkan negara tersebar ke seluruh dunia dan diiktiraf oleh banyak negara maju.

## **POTENSI ANCAMAN DIASPORA**

Bilakah diaspora akan mengancam keselamatan sesebuah negara? Apakah suasana yang menyebabkan diaspora bertindak mengancam keselamatan negara? Bahagian seterusnya akan membincangkan persoalan-persoalan yang dibangkitkan dengan menggunakan 'skema' Weiner (1992). Skema Weiner menetapkan empat kategori bagaimana diaspora boleh memberi ancaman kepada negara-negara terlibat dengan mereka. Pertama, diaspora menentang negara asal; kedua, diaspora mengancam politik dalaman negara penerima; ketiga, diaspora mengancam identiti budaya negara

penerima; dan keempat, diaspora membebankan ekonomi dan sosial negara penerima.

### **Diaspora menentang negara asal**

Diaspora boleh terdiri daripada orang perseorangan dan kumpulan-kumpulan manusia. Orang perseorangan pula terdiri dari ahli-ahli politik, ahli perniagaan, pegawai kerajaan, pemimpin organisasi dan orang awam. Manakala kumpulan-kumpulan manusia terdiri dari parti-parti politik, badan bukan kerajaan, kumpulan pendesak dan sebagainya. Mereka memiliki berbagai latar belakang sama ada ekonomi, politik dan sosial. Kumpulan-kumpulan ini juga mempunyai berbagai ideologi dan matlamat organisasi di antara satu sama lain. Malah, kumpulan-kumpulan jenayah turut menjadi diaspora. Secara ringkasnya diaspora ini terdiri dari orang perseorangan dan kumpulan yang berbeza-beza latar belakang ekonomi, sosial dan politik. Kehadiran diaspora ke sesebuah negara berpotensi memberi ancaman kepada negara penerima. Ini kerana diaspora sering melakukan penentangan kepada kerajaan mereka sendiri di negara asal.

Di Britain, fenomena *Arab Springs* misalnya telah menggerakkan orang Syria ke jalan raya di bandar-bandar besar seperti London. Akhbar atas talian *The National* melaporkan beribu-ribu orang berasal dari Syria yang kini menetap di London berdemonstrasi di hadapan kedutaan Syria dan Russia di sana. Mereka melaung-laungkan slogan menentang kepimpinan Bashar Al Assad sambil memukul Dewan Rakyat, menyanyi dan menari. Penentangan rakyat Syria di Britain telah bermula sejak Mac 2012 di beberapa buah bandar di Britain. Mereka merupakan rakyat Syria yang telah lama berhijrah ke Britain untuk mencari pekerjaan, melanjutkan pengajian dan sebagainya. Mereka menyedari negara Syria sedang bergelut dengan kepimpinan yang tidak demokratik, justeru itu dengan melakukan demokrasi akan menunjukkan sokongan moral kepada rakyat di negara asal.

Namun begitu, penentangan atau tindakan berdemonstrasi oleh rakyat Syria di Britain mencetuskan kekacauan kepada penduduk bandar di Britain. Masalah kesesakan jalan raya, kerosakan harta benda awam, masalah sampah sarap, dan bising merupakan masalah yang tidak dapat dipisahkan dari perbuatan berdemonstrasi. Pihak berkuasa Britain terpaksa mengerahkan pasukan keselamatan bagi mengawal ketenteraman awam dan para penunjuk perasaan. British Broad Casting (BBC) melaporkan seramai enam orang telah ditahan di hadapan kedutaan Syria kerana cuba merempuh masuk ke bangunan tersebut. Bagaimanapun, siri tunjuk perasaan oleh rakyat Syria dikatakan berjaya kerana duta besar Syria ke Britain Khaled Al Ayoubi telah meletakkan jawatan sebagai membantah tindakan kerajaan negara beliau yang menggunakan kekerasan ke atas penduduk Syria di sana (The Guardian, Julai 2012).

Di India, pada Jun 1984 kerajaan India telah menghantar tentera menceroboh kuil suci penganut Sikh di Amritsar. Serangan tersebut telah mengorbankan beratus penganut agama Sikh dan menyebabkan kerosakan besar kepada kuil tersebut. Banyak kitab-kitab agama suci penganut Sikh dibakar, barangan kemas dilarikan dan struktur kuil roboh akibat serangan itu. Tindakan kerajaan InDewan Rakyat Ghandi pada ketika itu mencetuskan protes daripada diaspora Sikh di seberang laut. Protes besar-besaran dilakukan oleh penganut Sikh di bandaraya seperti London, Vancouver, New York, Edmonton, Calgary, Toronto, San Francisco dan Los Angeles (Biswas 2004). Reaksi kepada peristiwa tersebut, diaspora Sikh di seberang laut menubuhkan beberapa kumpulan khusus memperjuangkan rakyat Sikh di India. Peristiwa itu juga membawa kepada pembunuhan Perdana Menteri India, InDewan Rakyat Ghandi oleh pengawal peribadi beliau sendiri seorang berbangsa Sikh pada Oktober 1984.

Biswas (2004) meneliti perkembangan organisasi masyarakat Sikh di seberang laut. Menurut beliau, di Amerika Syarikat, World Sikh Organisation (WSO) ditubuhkan pada Julai 1984 oleh seorang jutawan Didar Singh Bhullar. Pertubuhan ini memperjuangkan hak-hak asasi Sikh di India di samping menangani isu-isu komuniti masyarakat Sikh di sana. Pada satu ketika pertubuhan itu mempunyai keahlian mencecah seramai 16,000 orang. Mereka melobi kerajaan Amerika Syarikat untuk turut campur tangan dalam menyelesaikan isu masyarakat Sikh di India. Manakala di Kanada, sebuah pertubuhan Sikh bercorak militan ditubuhkan oleh Harpal Singh dan dikenali sebagai The International Sikh Youth Federation (ISYF). Harpal Singh melarikan diri dari India dan pertubuhan beliau mampu menarik ramai ahli dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kanada. Sebuah lagi pertubuhan Sikh yang bersifat militan dikenali sebagai Babbar Khalsa berpusat di Vancouver, Kanada. Pertubuhan ini mendapat sokongan dari kebanyakan golongan pekerja Sikh di seluruh dunia. Ahli pertubuhan ini pernah dituduh melakukan berbagai keganasan dan paling tragik ialah meletupnya pesawat Air India pada Jun 1985 yang mengorbankan semua 329 penumpang dan anak kapal.

Tiga puluh tahun selepas peristiwa serangan kuil suci penganut Sikh di Amritsar, oleh tentera kerajaan India, di Britain diaspora Sikh masih aktif melakukan serangan. Akhbar atas talian *The National Post* melaporkan, Leftenan Jeneral Kuldip Singh Brar, seorang penganut Sikh telah ditikam oleh sekumpulan empat orang yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kegiatan nasionalis diaspora Sikh di Britain. Leftenan Jeneral Kuldip mengalami kecederaan di tengkuk dan muka akibat tikaman terhadap beliau. Pada masa kejadian, Leftenan Jeneral Kuldip sedang berjalan bersama isteri beliau di *Oxford Street*, London. Leftenan Jeneral Kuldip telah bersara dari perkhidmatan tentera India pada 1992 dan banyak masa

dihabiskan oleh beliau memantau gerakan Sikh di India. Serangan ke atas bekas jeneral tentera India ini menunjukkan aktiviti diaspora di seberang laut aktif dan mampu memberi kesan kepada keselamatan sesebuah negara penerima diaspora.

### **Diaspora mengancam politik negara penerima**

Sesetengah negara menerima diaspora atas sifat kemanusiaan memberi perlindungan dari segi kemudahan tempat tinggal, pekerjaan, perubatan dan sebagainya. Malah perlindungan politik juga diberikan sebagai tanda simpati dan tolong ansur kepada diaspora. Namun begitu, perlindungan yang diberikan kepada diaspora bukanlah jaminan untuk mereka tidak menentang kerajaan negara penerima. Terdapat kegiatan diaspora yang mengancam politik negara penerima apabila kepentingan diaspora itu tadi bertentangan dengan pendirian politik negara penerima. Hal ini dapat dilihat dalam kes pencerobohan Iraq ke atas negara Kuwait pada dekad 1990an. Pencerobohan Iraq yang diketuai oleh Saddam Hussien telah menerima sokongan orang Palestin yang bekerja dengan kerajaan Kuwait. Dalam hal ini diaspora memberi tekanan kepada kerajaan Kuwait kerana pendirian politik mereka bertentangan dengan kepentingan negara Kuwait.

Weiner (1992) memperihalkan pertentangan di antara orang Palestin dengan kerajaan Kuwait pada ketika negara itu diserang oleh Iraq. Menurut beliau terdapat sejumlah besar orang Palestin yang mempunyai kedudukan dalam pentadbiran kerajaan Kuwait. Apabila Kuwait di serang oleh kerajaan Iraq, orang Palestin memberi sokongan kepada kerajaan Iraq. Pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Yasser Arafat ketika itu menyatakan sokongan kepada kerajaan Iraq pimpinan Saddam Hussein. Akibat dari kenyataan Yasser Arafat tersebut, kerajaan Kuwait bertindak balas dengan mengusir orang Palestin dari negara Kuwait. Kuwait beranggapan tindakan orang Palestin menyokong Iraq merupakan tindakan yang tidak dapat diterima oleh mereka. Justeru itu ia dianggap membahayakan keselamatan negara dan harus diusir keluar dari Kuwait. Dianggarkan menjelang tahun 1998, bilangan orang Palestin yang tinggal di Kuwait hanya sekitar 20,000 orang sahaja.

Pada waktu sebelum serangan Iraq ke atas Kuwait, terdapat lebih 400,000 orang Palestin di Kuwait. Mereka ini mula datang ke Kuwait pada awal abad ke 20 atas jemputan kerajaan Kuwait atas alasan keagamaan. Namun jumlah kedatangan diaspora Palestin bertambah susulan dari peristiwa pembukaan negara Israel pada tahun 1948. Akibat dari pembukaan negara Israel itu, ramai penduduk Palestin menjadi pelarian memasuki negara-negara lain di Timur Tengah seperti Kuwait, Jordan, Syria dan Lebanon. Menurut Smith (1986), susulan pembukaan negara Israel pada 1948, beratus ribu diaspora Palestin keluar mencari tempat perlindungan akibat



peperangan yang meletus di tanah air mereka. Kebanyakan dari mereka melarikan diri ke negara-negara Teluk yang kaya dengan minyak. Di Arab Saudi, pada tahun 1953 dianggarkan lebih 3000 diaspora Palestin berkerja dengan Arabian American Oil Company (Aramco). Di sana mereka menjalankan berbagai kerja seperti foreman, pekerja kontrak, tutor dan sebagainya. Kebanyakan diaspora Palestin mempunyai kemahiran dan berpendidikan, justeru itu mereka dengan mudah mendapat pekerjaan. Namun begitu, pada pertengahan 1950an akibat dari suasana tempat berkerja yang tidak kondusif, diaspora Palestin melakukan demonstrasi dan mogok membantah layanan ke atas mereka. Tindakan berdemonstrasi dan mogok oleh diaspora Palestin merebak ke negara Kuwait, Bahrain dan Qatar.

Keselamatan negara penerima juga terancam dengan kegiatan-kegiatan subversif diaspora. Faktor tekanan hidup menyebabkan diaspora melakukan kegiatan melanggar undang-undang negara penerima. Kegiatan penyeludupan, pengedaran dadah, pelacuran, rompakan, dan pemerdagangan manusia antara jenayah yang sering dikaitkan dengan diaspora. Perbuatan diaspora telah memberi gambaran negatif dan mengancam keselamatan penerima. Laman web berita *Foxnews* melaporkan diaspora Mexico di Amerika Syarikat melebarkan operasi pengedaran dadah ke Eropah, dan berkerjasama dengan kumpulan pengedar dari negara Mozambique, Republik Congo, Ghana dan Nigeria. Kerjasama pengedaran dadah ini merangkumi jaringan Amerika Latin, Afrika, Asia dan Australia. Kenyataan ini dikeluarkan oleh Agensi Penguatkuasaan Dadah Amerika Syarikat (DEA) berikutan terdedahnya rangkaian pengedaran dadah Mafia menerusi lautan Atlantik oleh dua adik beradik warga Itali yang menjalinkan kerjasama dengan pengedar Mexico di Amerika Syarikat.

Di Ghana, diaspora dari negara itu membentuk rangkaian pengedaran dadah dari benua Afrika ke benua Asia, Eropah dan Amerika Utara. Akyeamong (2005) memperihalkan rangkaian pengedaran dadah itu yang berpusat di Ghana. Menurut beliau, dengan hanya \$20,000 seseorang pengedar mampu melakukan perjalanan yang dikenali sebagai 'triangle trip'. 'Triangle trip' merujuk kepada satu perjalanan ke India atau Pakistan untuk membeli dadah di sana dengan kos \$4,500 sekilogram, kemudian kembali ke Ghana untuk dibungkus bagi pasaran Amerika Syarikat. Satu perjalanan lain ialah dari Accra ke Addis Ababa dan kemudiannya ke Bangkok menggunakan syarikat penerbangan Ethiopia untuk mendapatkan bekalan dadah. Bergantung jumlah dadah yang dibawa, seseorang pengedar itu mampu memperoleh \$100,000 - \$150,000 hasil daripada jualan di Amerika Syarikat. Kos perjalanan bagi membawa dadah tersebut sangat minima iaitu antara \$5,000 hingga \$10,000. Wang hasil jualan dadah tersebut akan dipindahkan ke Ghana menerusi berbagai cara seperti melalui pembelian

barangan kain dan pakaian untuk kedai mereka di Ghana, mengimport kereta atau melalui pemindahan kaunter tukaran mata wang (money changer).

Jaringan diaspora dadah Ghana tidak hanya melibatkan orang awam sahaja, tetapi turut melibatkan mereka yang berprofil tinggi. Pada pertengahan tahun 1980an, apabila Ghana terkenal antara pusat pengedaran dadah antarabangsa, Said Sinare Pengurus Besar Global Medical Supply yang kemudiannya menjadi ahli parlimen telah berkerjasama dengan Emmanuel Boateng Addo seorang pengedar dadah antarabangsa. Mereka kemudiannya berkerjasama dengan Mamouna Ouattara bekas duta Burkina Faso ke Ghana. Menggunakan pasport diplomatik yang dikeluarkan oleh Mamouna Ouattara, kedua-dua mereka (Sinare dan Addo) akan mengambil penerbangan dari Accra ke Bombay melalui Abidjan untuk mendapatkan bekalan dadah di sana. Apabila pulang dari Bombay mereka akan membungkus dadah tersebut dalam kenderaan diplomatik Mamouna Ouattara sebelum dadah tersebut di bawa oleh kedua-dua mereka ke Paris, Perancis. Namun pada Jun 1986, Addo telah ditahan oleh pihak berkuasa Perancis bersama 7.5 kilogram kokain yang dibawa olehnya. Pada November 1993, rangkaian pengedaran dadah yang diketuai oleh seorang bekas bintang bolasepak Ghana, Papa Arko telah berjaya ditumpaskan oleh pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Dadah Amerika Syarikat. Rangkaian dadah itu melibatkan pengedar dari Ghana, Nigeria, Turki dan Vietnam. Beberapa pengedar dari kumpulan itu di tahan di New Jersey, Amerika Syarikat.

Kegiatan-kegiatan jenayah yang dilakukan oleh diaspora telah menjejaskan keselamatan kepada kedua-dua negara. Namun bagi negara penerima diaspora, kegiatan pengedaran dadah memberi reputasi buruk kepada mereka terutama dalam usaha membawa masuk pelaburan asing ke dalam negara. Negara penerima diaspora terpaksa menanggung kesan besar dari perbuatan jenayah yang dilakukan oleh diaspora. Malah terdapat beberapa negara maju yang melabel negara-negara tertentu sebagai pembekal dadah utama dunia. Akibat dari label yang diberikan itu, kegiatan perdagangan, pelancongan dan pergerakan keluar masuk rakyat ke luar negara terutama ke negara maju terjejas. Ini kerana kegiatan pengedaran dadah pada waktu kini turut dikaitkan dengan sumbangan mereka kepada kegiatan pengantasan dunia.

### **Diaspora mengancam identiti budaya negara penerima**

Keselamatan fizikal negara merupakan benteng penting yang harus dijaga oleh pihak kerajaan dari sebarang kegiatan subversif. Namun begitu, aspek identiti budaya negara turut memainkan peranan dalam memelihara kebelangungan tamadun sesuatu bangsa. Sejarah dunia menyaksikan

bagaimana sesebuah tamadun itu runtuh disebabkan oleh hilangnya identiti bangsa sebagai benteng negara biarpun fizikalnya masih lagi boleh dilihat sehingga kini. Beberapa tamadun besar dunia seperti Tamadun Lembah Indus, Pakistan, Tamadun Empayar Khmer di Kemboja, Tamadun Anasazi, New Mexico di Amerika Syarikat dan Tamadun Moche di Peru telah hilang. Biarpun lokasi tamadun itu masih boleh dikesan tetapi tamadun itu telah kehilangan identiti budaya seperti bahasa, pakaian, muzik, makanan dan sebagainya. Pengenalan konsep negara bangsa oleh kolonialisme pada dekad moden turut menghilangkan identiti budaya bagi sesetengah masyarakat dunia. Tamadun India dan Tamadun Melayu terhakis apabila datangnya kuasa Barat seperti British, Portugis, Belanda dan Perancis di alam masing-masing. Proses penghakisan identiti budaya itu berjalan perlahan-lahan seiring dengan tempoh masa penaklukan kuasa-kuasa besar barat tersebut.

Kedatangan kuasa Barat menakluk 'benua baru' bukan sahaja mengenai penguasaan sempadan fizikal sesebuah penempatan tetapi turut membabitkan penguasaan ruang epistemologi masyarakat setempat. Kolonialisme British di benua Afrika, India dan Asia Tenggara merupakan bukti jelas kepada penaklukan epistemologi masyarakat yang ditakluk. British di India dan Malaya telah menjalankan penaklukan ruang epistemologi dengan memperkenalkan beberapa 'ilmu baru' kepada kedua-dua negara itu. Melalui sistem pentadbiran, pendidikan dan ketenteraan, ilmu baru ini disemai dan dibaja untuk terus subur guna melangsungkan penguasaan British di negara-negara tersebut. Dalam sistem pendidikan misalnya, British memperkenalkan istilah-istilah baru menggantikan istilah yang digunakan pakai dalam tamadun lama. Manakala dalam sistem pentadbiran, undang-undang baru yang melibatkan harta, kewarganegaraan, perdagangan dan sebagainya turut diperkenalkan kepada orang tempatan. Pengenalan perkara-perkara baru ini pada umumnya tampak lebih bersifat untuk memudahkan pentadbiran British sahaja, namun melalui pergerakan masa dan ruang ia secara perlahan-lahan memudar hilangkan identiti budaya bangsa rakyat tempatan yang asal (Shamsul 1999). Agen-agen kepada proses penaklukan ruang epistemologi masyarakat tempatan ialah pegawai-pegawai kerajaan penjajah dan rakyat tempatan yang bersengkongkol dengan mereka.

Bersama-sama dengan kedatangan pihak penjajah ialah mereka yang dibayar upah untuk bekerja ataupun sesetengahnya adalah hamba abdi. Mereka diletakkan di lokasi-lokasi tertentu di negara yang dijajah. Setelah hampir berpuluh-puluh tahun, sesetengah dari mereka itu enggan lagi pulang ke negara asal biarpun penjajahan telah berakhir. Mereka lebih selesa tinggal dan membangunkan kehidupan masing-masing di negeri yang dijajah. Bersama-sama dengan mereka itu ialah identiti bangsa masing-masing dan ianya diperturunkan kepada

generasi demi generasi. Kesan daripada itu identiti bangsa baru telah wujud sekurang-kurangnya di tahap demografi penduduk negara pasca penjajahan. Tidak semua identiti baru ini dapat diasimilisasikan dengan identiti budaya penduduk tempatan. Ada sesetengahnya bertentangan dengan identiti budaya masyarakat tempatan. Namun akibat dari pengenalan undang-undang baru ketika kolonialisme berlangsung, identiti budaya masyarakat pendatang (diaspora) ini terpaksa diperakukan oleh masyarakat tempatan. Dari segi keselamatan negara, pertentangan identiti budaya ini menjadi umpama 'api dalam sekam' atau 'time bomb' kepada kerajaan di negara itu. Walaupun begitu, proses pertentangan identiti budaya di antara diaspora dan masyarakat tempatan terus berlangsung melalui perkahwinan, perkongsian makanan, sambutan festival, percampuran di sekolah, rumah ibadat, pejabat dan sebagainya.

Globalisasi memberikan kehidupan baru kepada diaspora di seluruh dunia. Alat-alat globalisasi seperti komunikasi misalnya telah mendekatkan diaspora dengan identiti budaya bangsa masing-masing. Alat seperti televisyen, panggung wayang, telefon, dan internet, sepanjang masa berfungsi menghubungkan diaspora dengan negara asal. Proses pengaliran dan pengukuhan identiti budaya diaspora ini dibantu dengan wujudnya infrastruktur komunikasi yang baik. Di negara tertentu diaspora bukan sahaja dapat mengakses sistem komunikasi tetapi turut mendapat kemudahan lain seperti sekolah, kesihatan, pejabat dan sebagainya. Melalui infrastruktur kemudahan asas seperti itu proses pemindahan identiti budaya berlaku bukan sahaja di kalangan diaspora tetapi turut menjalar ke dalam masyarakat tempatan. Kesan daripada pemindahan identiti budaya diaspora itu dalam jangka masa panjang memungkinkan hilangnya identiti budaya masyarakat tempatan. Perkara ini berkemungkinan berlaku jika identiti budaya diaspora lebih tinggi berbanding dengan identiti budaya masyarakat tempatan.

Kedatangan diaspora ke sesebuah negara tidak harus dipandang sebagai satu masalah akibat dari proses migrasi penduduk semata-mata. Ini kerana sejarah menunjukkan di beberapa bahagian dunia, kedatangan diaspora telahpun menghilangkan identiti budaya masyarakat tempatan. Justeru itu, pihak kerajaan negara penerima diaspora harus sentiasa berwaspada dengan gerak geri mereka, dan hal ini menjadi semakin mencabar dengan pengaruh globalisasi dalam persekitaran semasa.

### **Diaspora membebankan ekonomi dan sosial negara penerima**

Mengikut data Bank Dunia, pada tahun 2009 diaspora Mesir telah menghantar pulang wang (remittances) ke negara mereka sebanyak USD7.8 billion. Jumlah ini merupakan lima peratus dari Keluaran Dalam Negara Kasar Mesir. Pada tahun 2007, diaspora China menghantar lebih

USD26 billion pulang ke negara asal iaitu jumlah kedua terbanyak penghantaran pulang wang selepas India. Jumlah penghantaran pulang wang oleh diaspora China meningkat pada tahun 2008 iaitu mencecah USD48.5 billion. Pada tahun itu juga, negara India dikatakan menerima sejumlah lebih USD50 billion wang dari diaspora negara itu di seluruh dunia. Negara-negara lain yang menerima penghantaran pulang wang terbanyak selepas India dan China ialah Mexico (USD26.3 billion), Filipina (USD19.1 billion) dan Perancis (USD15 billion). Namun begitu, dipercayai jumlah penghantaran pulang wang oleh diaspora China dan India misalnya masih gagal mengatasi jumlah wang yang dihantar pulang ke Israel oleh diaspora Yahudi di seluruh dunia. Penghantaran pulang wang oleh diaspora adalah untuk memenuhi perbelanjaan kaum keluarga yang tinggal di negara asal selain membantu menggerakkan pembangunan di negara asal masing-masing.

Akibat dari penghantaran pulang wang oleh diaspora, negara penerima diaspora terpaksa menghadapi pengaliran keluar wang negara dan ini memberi kesan kepada kecairan ekonomi. Wang yang sepatutnya digunakan untuk kegiatan ekonomi telah hilang fungsinya. Ia tidak lagi membantu meningkatkan kegiatan ekonomi harian penduduk negara penerima diaspora. Sebaliknya pengaliran wang keluar itu menguntungkan negara asal diaspora. Penghantaran wang pulang oleh diaspora ini lazimnya dilakukan dalam kuantiti yang sedikit pada setiap kali transaksi. Namun transaksi penghantaran wang pulang ini kerap dilakukan oleh diaspora. Agensi penghantaran wang ke luar negara seperti *Moneygram* dan *Western Union* banyak menyokong kegiatan penghantaran wang pulang oleh diaspora.

Dari segi sosial pula, kedatangan diaspora dalam jumlah yang banyak mendatangkan masalah lambakan penduduk (population dumping) kepada negara penerima. Masalah lambakan penduduk melahirkan masalah-masalah sosial yang lain seperti setinggalan, kesihatan, peningkatan kes jenayah dan sebagainya. Bagi diaspora yang baru memasuki sesebuah negara dan tidak mempunyai keluarga, mereka terpaksa meneroka tanah milik kerajaan untuk membina tempat berlindung. Masalah mula timbul sebaik sahaja rumah didirikan oleh diaspora. Pertempatan ini memerlukan bekalan elektrik, air bersih dan sumber makanan. Seseengah negara memberi kemudahan-kemudahan ini atas dasar perikemanusiaan. Namun pada masa yang sama, tindakan tersebut telah membesarkan lagi pertempatan sedia ada. Melalui perjalanan masa yang panjang, diaspora menganggap mereka berhak untuk terus tinggal di sesebuah pertempatan. Pada ketika itu pihak kerajaan berhadapan dengan masalah keengganan diaspora keluar dari pertempatan. Perkara ini memberi kesan kepada aktiviti pembangunan yang di rancang oleh pihak kerajaan.

Pertempatan baru yang dibina oleh diaspora kebanyakannya berselerak, tidak terurus, kotor dan menjadi pusat kegiatan-kegiatan tidak bermoral seperti pengedaran dadah dan pelacuran. Di pinggir bandaraya besar seperti di New York, Paris, London dan sebagainya, pihak berkuasa terpaksa bergelut dengan masalah sosial akibat dari pembukaan penempatan haram oleh diaspora. Masalah sosial di kawasan tersebut berkembang dengan penyertaan masyarakat tempatan untuk mendapatkan khidmat pelacur dan bekalan dadah. Lazimnya kawasan itu dikawal oleh kumpulan-kumpulan samseng yang mendominasi ekonomi pasaran gelap. Malah seringkali terjadi pergaduhan di antara kumpulan-kumpulan samseng dalam usaha menguasai pertempatan dan pasaran ekonomi gelap mereka. Masalah seperti ini menjadi semakin membesar apabila terdapat kumpulan-kumpulan samseng itu mengikat diri mereka dengan pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan seperti ahli-ahli politik dan ahli majlis perbandaran.

Secara ringkasnya, kedatangan diaspora memungkinkan akan wujudnya bebanan ekonomi dan sosial kepada negara penerima. Bebanan ekonomi dari segi kos yang terpaksa ditanggung akibat dari aktiviti penghantaran wang pulang tidaklah sedikit jumlahnya. Masalah ini berpanjangan dan sukar diselesaikan apabila ia turut mencetuskan berbagai masalah sosial lain. Malah lebih merumitkan apabila ia turut melibatkan penyertaan masyarakat tempatan dalam kegiatan-kegiatan gelap ekonomi dan sosial diaspora tersebut.

## KESIMPULAN

Globalisasi membantu pergerakan diaspora di seluruh dunia menjadi lebih cepat dan meluas. Perkembangan teknologi komunikasi dan pengangkutan menjadi penyumbang kepada perubahan corak pergerakan dan bentuk kehidupan diaspora di luar negara. Berbanding dengan pada masa lampau, pergerakan diaspora tidak lagi terhalang dengan perbezaan bentuk muka bumi, cuaca, jarak dan pengaruh masa. Sebaliknya, perkembangan teknologi dan pengangkutan menjadikan pergerakan diaspora menjadi lebih longgar dan terbuka. Kesan daripada pergerakan itu menjadikan hubungan diaspora dengan negara asal kekal rapat dan berterusan. Hal ini membantu mengekalkan identiti budaya diaspora di seberang laut biarpun di mana mereka berada.

Malaysia sebagaimana negara-negara bekas tanah jajahan sedaya upaya bangkit memacu pembangunan negara ke tahap maksimum. Berbagai usaha dilakukan menerusi berbagai rancangan pembangunan dan sesetengahnya menampakkan kejayaan. Malah Malaysia sering dipuji oleh negara-negara lebih maju kerana berjaya membangunkan negara berbanding dengan

negara yang mencapai kemerdekaan sewaktu dengannya. Namun begitu, kejayaan Malaysia turut mendapat perhatian dari diaspora di seluruh dunia. Faktor kemakmuran dan keamanan menjadikan Malaysia berpotensi menjadi lokasi tumpuan diaspora. Potensi itu juga boleh menyebabkan keselamatan Malaysia terancam dengan kegiatan-kegiatan tidak bertanggungjawab diaspora. Berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh negara-negara di seluruh dunia, kedatangan diaspora sememangnya mengundang berbagai masalah. Justeru itu di Malaysia, pihak berkuasa haruslah memantau rapat kegiatan-kegiatan diaspora dari semasa ke semasa guna memelihara keselamatan dan keamanan negara berkekalan.

### RUJUKAN

- Akyeampong, E. 2005. Diaspora And Dewan Rakyatug Trafficking In West Africa: A Case Study Of Ghana. *African Affairs*, 104/416, 429-447.
- Bharathi, K. 2012. Concept Of Diaspora. *International Journal of Multidisciplinary Educational Research*. Vol. 1, Issue 4, Sept, 254-266.
- Bhat dan Narayan. 2010. Indian diaspora, Globalization and Transnational Networks: The South African Context. *J. Soc Sci*, 25(1-2-3): 13-23.
- Biro Penyiasatan Persekutuan Amerika Syarikat. 2011. **Internet Crime Report**. Atas Talian: [www.ic3.gov/media/annualreport/2011\\_ic3report.pdf](http://www.ic3.gov/media/annualreport/2011_ic3report.pdf)
- Biswas, B. 2004. Nationalism By Proxy: A Comparison Of Social Movements Among Diaspora Sikhs And Hindus. *Nationalism and Ethnic Politics*, 10:269-295.
- Columbia Encyclopedia. 2012. **Diaspora**. Columbia University Press.
- Dewan Rakyat. 2011. Titah Seri Paduka Baginda Yang dipertuan Agong. *Laporan Hansard Parlimen Malaysia*.
- Kementerian Pelancongan Malaysia. 2012. *Tourist Arrivals and Receipts to Malaysia*. Atas Talian: <http://www.motour.gov.my/>
- Kenny, J. 2003. **Mobilizing Diasporas In Nationalist Conflicts**. Tidak Diterbitkan.
- Kenny, K. 2003. Diaspora and Comparison: The Global Irish as a Case Study. *The Journal of American History*. Vol. 90, No. 1 (Jun., 2003), 134-162.
- Lahneman. 2005. **Impact Of Diaspora Communities On National and Global Politics**. Center for International and Security at Maryland. University of Maryland: New York.
- Norwegian Refugee Council. 2012. *Syria Humanitarian Bulletin* - Issue No. 12(27 October – 11 November 2012).
- Palmer, C.A. 2000. Defining And Studying The Modern African Diaspora. *The Journal of Negro History*. Vol. 85, No. 1 ½(Winter-Spring, 2000), 27-32.

- Reuters-Africa. Julai 2007. *Human Trafficking & Modern-day Slavery*. Atas Talian: <http://gvnet.com/humantrafficking/Malaysia.htm>
- RoDewan Rakyatigue, J.P., Comtois, C. dan Slack, B. 2009. **Transportaion, Globalization and International Trade**. Routledge: New York.
- Shamsul. 1999. Colonial Knowledge and The Construction of Malay and Malayness: Exploring the Literary Component. *Sari* 17.3-17.
- Slack, B. dan Wang, J. 2002. The Challenge of Peripheral Ports: An Asian Perspective. *Geo Journal*, 56: 159-166.
- Smith, P. 1986. The Palestinian Diaspora 1948-1985. *Journal of Palestine Studies*, Vol. 15, No. 3 (Springs, 1986). 90-108.
- The Guardian. 2008. *As China's Power Grows, The Diaspora Starts to Flex its Worldwide Muscle*.
- The National. 2012. *Syrian Diaspora Laments Opposition's Disunity*.
- The National Post. 2012. *Three Decades After Operation Bluestar, Deadly Sikh Radicalism Still Stalks Western Streets*.
- Utusan Malaysia. 2000. *Maersk Pindah Ke Johor Tampanan Bagi Singapura*. Atas Talian: [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0822&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=bs\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0822&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=bs_01.htm)
- Weiner, M. 1992. Security, Stability, and International Migration. *International Security*, Vol. 17, No. 3 (Winter, 1992-1993), 91-126.